

Tanda awal krisis cuaca

Jabatan Meteorologi kesan peningkatan suhu air laut dan kenaikan suhu

NORAWAZNI YUSOF

FENOMENA El Nino dijangka akan memberi kesan besar kepada kehidupan seharian rakyat di Malaysia dan fenomena ini akan memberi implikasi yang berbeza berbanding cuaca kering yang melanda negara awal tahun ini.

Tanda-tanda awal fenomena El

Nino sudah kelihatan apabila berlakunya peningkatan suhu air laut dan kenaikan suhu berdasarkan pemantauan Jabatan Meteorologi.

Ketua Pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail berkata, jika melihat model ramalan yang digunakan di seluruh dunia mendapati, kira-kira 70 peratus daripada model itu menyatakan kebarangkalian berlakunya

fenomena tersebut.

"Ada banyak model ramalan digunakan di seluruh dunia untuk mengukur kebarangkalian fenomena El Nino akan berlaku atau tidak. Ini hanya ramalan saja.

"Cuma, negara kita akan mengalami kesan daripada fenomena ini. Sekiranya El Nino berlaku pada tahap sederhana dan kuat, impaknya lebih ketara terutama di Sabah dan Sarawak. Kalau lemah, kesannya adalah kurang," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Menurutnya, negara akan mengalami musim kering dan panas kesan daripada fenomena itu, selain kemungkinan dilanda jerebu sekiranya adanya kebakaran terbuka dilakukan.

Berlaku antara Jun hingga September dan berlarutan

Dalam pada itu, katanya, permulaan fenomena El Nino dijangka berlaku antara Jun hingga September ini dan boleh berlarutan sehingga 18 bulan.

"Kesan El Nino itu bukan datang secara berterusan, tetapi secara perlahan-lahan sehingga boleh mencecah enam hingga 18 bulan.

"Ini kerana tempoh hayat sesuatu fenomena adalah 18 bulan," katanya.

Menurutnya, kesan El Nino boleh diukur mengikut kategori, iaitu lemah, sederhana dan kuat, dengan setiap kategori ditentukan berdasarkan tahap kenaikan suhu air di Lautan Pasifik.

Beliau juga memberi amaran peningkatan suhu yang menyebabkan kekeringan melampau, boleh membawa kepada ancaman jerebu.

"Kebiasaannya, musim Monsun

Barat Daya akan menyebabkan berlakunya kebakaran hutan di Sumatera dan Semenanjung Malaysia, sekali gus akan menyebabkan berlakunya jerebu.

"Keadaan akan menjadi buruk sekiranya negara dilanda El Nino dalam kategori kuat yang boleh menyebabkan jerebu teruk dan tebal. Ini akan memberi kesan terutama kepada kesihatan, sektor pertanian, sektor penerbangan dan aktiviti luar," katanya.

Tambahnya, pihaknya memantau perkembangan fenomena El Nino secara berterusan dan akan memaklumkan status terkini berhubung perkara itu kepada semua agensi terlibat supaya mereka bersedia.

Jika jerebu melanda kesan daripada fenomena itu, beliau berkata, pihaknya bersama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bersedia melaksanakan pembenihan awan.

"Kami juga sedang melaksanakan kajian mengenai keberkesanan pembenihan awan untuk kita optimumkan dari segi operasi tersebut," katanya.

Taburan hujan akan berkurangan

Semua negeri di Malaysia dijangka akan mengalami penyusutan hujan antara 20 hingga 40 peratus daripada taburan biasa.

"Untuk bulan Julai hingga September, taburan hujan akan kembali seperti biasa, bagaimanapun kita harus ingat bahawa ketika itu adalah musim kering kerana berada dalam monsun Barat Daya.

"Sama ada berlaku fenomena El Nino atau tidak, pada masa itu ialah musim kering dan (taburan) hujan memang sedikit," katanya.

APA ITU FENOMENA EL NINO?

- "El Nino" dalam bahasa Sepanyol bermakna "anak lelaki" manakala "La Nina" pula bermakna "anak perempuan".
- El Nino adalah suatu arus laut yang panas menggantikan suatu arus laut yang kebiasaannya sejuk di luar pantai.
- Pemanasan lautan ini didapati berlaku di kawasan yang luas meliputi Pasifik tengah dan timur serta mempunyai kaitan dengan keadaan kejadian luar biasa cuaca yang ketara di tempat-tempat tertentu di dunia seperti banjir yang teruk dan kemarau yang berpanjangan.
- Di Asia Tenggara dan Australia, keadaan lebih kering daripada normal berlaku sementara di Pasifik tengah dan timur berhampiran khatulistiwa kebiasaannya keadaan lembap dialami.
- Secara lazimnya, El Nino berlaku untuk tempoh 9-18 bulan.
- Sejak 50 tahun kebelakangan ini, El Nino telah berlaku sebanyak 12 kali. Dua kejadian El Nino yang terkuat pada abad yang lalu berlaku pada 1982-1983 dan 1997-1998.

PERUBAHAN IKLIM SEMASA EL NINO

- Di kawasan tropika, aktiviti ribut petir berpindah dari Pasifik barat ke kawasan Pasifik tengah dan timur, menghasilkan keadaan kering yang luar biasa di Malaysia, Indonesia, Filipina dan Australia Utara.
- Cuaca yang lebih panas dan kering juga berlaku di Afrika Tenggara, India dan Brazil Utara. Cuaca lebih lembap berlaku sepanjang pantai barat kawasan tropika Amerika Selatan dan pantai teluk di Amerika Utara.

FENOMENA EL-NINO

- Terbentuk apabila arus laut panas menggantikan arus laut sejuk di luar pantai Peru, Amerika Syarikat sehingga menyebabkan peningkatan haba dan kesan dirasakan di banyak negara termasuk Asia Tenggara.
- Pertembungan arus laut itu menyebabkan udara terpeluwap dan membentuk ribut petir dan hujan lebat Pasifik termasuk Malaysia selain cuaca boleh bertukar menjadi lebih kering.
- Pernah melanda Malaysia sebanyak 12 kali antara 1951 hingga 1998 dengan kejadian terburuk pada 1982, 1983, 1997 dan 1998.
- Menjadi punca jerebu teruk pada 1997 dan 1998.
- Menyebabkan kemarau semasa Monson Barat Daya (Jun-Ogos) dan Monson Timur Laut (November-Februari) di Malaysia Timur, manakala Semenanjung pada musim Monson Barat Daya sahaja.

Sumber: Jabatan Meteorologi



KUALA LUMPUR • PUTRAJAYA

SUBUH	5:42
SYURUK	7:06
ZUHUR	1:18
ASAR	4:44
MAGHRIB	7:27
ISYAK	8:42

SABAK BERNAM

• KUALA SELANGOR • KLANG
• KUALA LANGAT

SUBUH	5:44
SYURUK	7:07
ZUHUR	1:20
ASAR	4:46
MAGHRIB	7:29
ISYAK	8:45

GOMBAK • HULU SELANGOR
• RAWANG • HULU LANGAT •
SEPAK • PETALING •
SHAH ALAM

SUBUH	5:42
SYURUK	7:06
ZUHUR	1:18
ASAR	4:43
MAGHRIB	7:27
ISYAK	8:42

• PENGARAH URUSAN KUMPULAN/CEO/PENERBIT: DATO' (DR) HUSSAMUDDIN HJ YAACUB • KETUA PEGAWAI OPERASI KUMPULAN: SYAMIL FAHIM MOHD FAHIM
• PENGARAH EKSEKUTIF (PENERBITAN AKHBAR): AKMAL EIRFAN MOHD FAUZI • PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL: DATUK ABD JALIL ALI
• KETUA PENGARANG: NORDEN MOHAMED • PENGARANG BERITA: AZMI TARMIZI • PENGURUS BESAR PENGEDARAN: HASLI MAT SOH

EDITOR EDISI NASIONAL: BADRULDIN ZAKARIA • EDITOR EDISI SELANGOR/KL: NAJWA GHAZALI • EDITOR EDISI KELANTAN: ONG BOON TECK • EDITOR EDISI PAHANG: ZULKHAIRIL ZAINUDDIN
• EDITOR EDISI TERENGGANU: WAN NORMI HASAN • EDITOR EDISI UTARA: AZWANI ABDUL GHANI • EDITOR EDISI PERAK: KHAIRUL AMRI YASIN • EDITOR EDISI JOHOR: HANAFIAH HASHIM • EDITOR EDISI MELAKA/NS: MAZLINDA MOHD NOR

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 03-51013601 / • Dicitak oleh Ultimate Print Sdn.Bhd., Lot 2, Jln Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 03-51013608 / • Tel: 03-51017480 (Unit Langganan Karangkraf Mall)